

BORANG PENDAFTARAN

Bengkel

Pemprosesan Minyak Pati
27-29 Ogos 2008

Nama :

Jawatan :

Alamat :

Telefon (Pejabat) :

Telefon (Bimbit) ;

No. Faks :

E-mel :

Tarikh :

Tandatangan:

 UKM LUAR

*Tarikh Tutup 15/08/2008

*Sebarang penarikan diri dari bengkel hendaklah dibuat seminggu sebelum bengkel bermula.

*Sila bawa Baju Makmal

potong disini

PENGINAPAN

Sila berurusan terus bagi tujuan penginapan

Rumah Tamu, Ungku Omar, UKM
03-89213114

Puri Pujangga, UKM
03-89213361

NIOSH, Bangi
03-87692100

Hotel Equatorial Bangi
03-82102222

Prescott Metro Inn, Kajang
03-87375555

AJK PENGANJUR

Penaung

Prof. Madya Dr. Jumat Salimon

Penasihat

Prof. Madya Dr. Mohamed Rozali Othman

Pengerusi

Prof. Madya Wan Yaacob Wan Ahmad

Setiausaha

Cik Nur Hidayah Deris

Bendahari

Pn. Nor Fauziana Abdul Aziz

Teknikal

Hj. Mohd Nor Ibrahim
En. Mohd Firdaus Ismail
Pn. Norhayati Sulaiman



Bengkel

Pemprosesan Minyak Pati

27 - 29 Ogos 2008

Anjuran

Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan
Fakulti Sains dan Teknologi
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan
Malaysia

dengan kerjasama

Program Studi Ilmu Kimia
Fakultas Matematika dan Ilmu Pengetahuan Alam
Universitas Islam Indonesia
Yogyakarta

PENGENALAN

Industri wangian, perisa, kosmetik dan mandian, sebatian berharga, farmaseutikal dan aromaterapi sangat bergantung kepada minyak pati (MP), fraksi MP dan pisahan MP dari sumber tumbuhan aroma; hasil sekunder modifikasi-kimia pisahan MP; serta sintesis sebatian semula jadi dari sumber petrokimia. Negara maju membeli dengan murah MP mentah dari negara tropika untuk diproses dan kemudian menjual semula pelbagai produk tersebut dengan harga yang jauh lebih tinggi. Kenaikan harga minyak mentah serta prospek kehabisan minyak menyebabkan dunia bergantung harap kepada MP dari sumber tumbuhan aroma yang boleh diperbaharui untuk kegunaan masa depan. Bengkel ini diharap dapat membuka peluang dan mencetus minat dalam pemprosesan MP secara lebih sistematik yang akan membawa kepada kaedah penghasilan secara komersial, peningkatan kemahiran dan menambahkan tenaga mahir yang berkaitan.

KANDUNGAN BENGKEL

Bengkel secara “*hands on*” ini melibatkan seminar mengenai perkembangan dan prospek minyak pati (MP) di bawah tajuk “**Kimia Minyak Pati**” dengan memberi penekanan kepada negara jiran Indonesia yang merupakan pengeluar utama dunia bagi beberapa MP. Sesi kedua pula membabitkan kerja makmal mengenai pemisahan komponen utama minyak serai-wangi dan minyak daun-cengkih, modifikasi-kimia pisahan minyak serta analisis minyak. Antara kaedah analisis MP adalah menggunakan kromatografi-gas (KG) dua-dimensi lengkap [KGXKG] yang diganding dengan spektrometri jisim (SJ) masa-penerbangan (MP) [KGXKG-SJMP = GCXGC-MSToF] dengan kuasa dekonvolusi bagi pengenalpastian puncak.

PESERTA

Bengkel ini terbuka kepada mereka yang terlibat dalam industri pengeluaran minyak pati, penyelidik sebatian semula jadi dan sintesis sebatian organik/semula jadi serta mereka yang berminat daripada agensi kerajaan dan swasta.

PENGENDALI

Bengkel ini akan dikendalikan oleh **Profesor Emeritus Dr. Hardjono Sastrohamidjojo**, salah seorang Anggota Kelompok Kerja Kebangsaan Minyak Pati Indonesia dari Universitas Islam Indonesia, Yogyakarta. Beliau adalah pakar dalam bidang minyak pati dan mempunyai pengalaman yang luas dalam penyelidikan minyak pati, pengkomersialan dan perkembangan hasil penyelidikan melalui kerjasama rapat dengan industri dan penngeluar minyak pati dari masyarakat desa.

YURAN PENYERTAAN

Bayaran penyertaan **RM 300** seorang.
(yuran termasuk nota bengkel, sijil, minum pagi, makan tengahari dan minum petang)

Pendaftaran boleh dibuat kepada urusetia melalui telefon, faks atau e-mel.

Pembayaran yuran melalui cek hendaklah dibuat atas nama **Bendahari Universiti Kebangsaan Malaysia** dan diserahkan semasa pendaftaran kepada:

Urusetia

Bengkel Pemprosesan Minyak Pati
Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan
Fakulti Sains dan Teknologi
43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan.
(u/p: Cik. Nur Hidayah Deris)
Tel: 03-89213993/5424
Faks: 03-89215410
e-mel: nhidayah@ukm.my

TEMPAT

Pusat Pengajian Sains Kimia dan Teknologi Makanan, Fakulti Sains dan Teknologi, Univesiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor Darul Ehsan.

ATURCARA BENGKEL

27 Ogos 2008 (Rabu)

8.30 – 9.00: Pendaftaran

Pagi: Seminar “Penghasilan Minyak Pati: Kajian Kes Indonesia”

Petang: Seminar “Kimia Minyak Pati”

28 Ogos 2008 (Khamis)

Pagi: Makmal 1

Pemisahan komponen utama minyak serai-wangi, modifikasi-kimia pisahan dan analisis minyak.

Petang: Makmal 2

Sambungan pemisahan komponen utama minyak serai-wangi, modifikasi-kimia pisahan dan analisis minyak.

29 Ogos 2008 (Jumaat)

Pagi: Makmal 3

Pemisahan komponen utama minyak daun-cengkih, modifikasi-kimia pisahan dan analisis minyak.

Petang: Makmal 4

Sambungan pemisahan komponen utama minyak daun-cengkih, modifikasi-kimia pisahan dan analisis minyak.